



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-FATWA**

**(SIRI 4/2020) KEBENARAN MENJALANKAN AKTIVITI AZAN DAN SOLAT BERJEMAAH  
DI SELURUH MASJID DALAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Mulia Tuanku Sultan Kedah, Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan 3 (PKP 3) yang diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia pada 10 April 2020 kesan daripada penularan wabak COVID-19 maka Jabatan Mufti Negeri Kedah memaklumkan bahawa KDYMM Tuanku Sultan **telah perkenan supaya solat berjemaah didirikan di seluruh masjid dalam Negeri Kedah Darul Aman**. Sehubungan dengan itu;

1. Perkenan KDYMM Tuanku ini adalah untuk memastikan syiar Islam terus terpelihara lebih-lebih lagi di bulan Ramadan yang mulia ini berkuat kuasa serta merta. Hal ini berdasarkan:

a) Firman Allah ﷻ:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ.<sup>1</sup>

Maksudnya: *Hanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka termasuk dalam golongan yang mendapat petunjuk.*

b) Sabda Nabi ﷺ:

فقد روى الإمام الطبراني عن سلمان ٧ عن النبي ﷺ قال: "مَنْ تَوَضَّأَ فِي بَيْتِهِ فَأَحْسَنَ  
الْوُضُوءَ، ثُمَّ أَتَى الْمَسْجِدَ فَهُوَ رَائِرُ اللَّهِ، وَحَقُّ عَلَى الْمَرْوْرِ أَنْ يُكْرِمَ الرَّائِرَ"<sup>2</sup>

Maksudnya: "Barang siapa yang berwudhuk di rumahnya dengan sebaik-baiknya kemudian dia mendatangi masjid maka dia menziarahi Allah ﷻ. Adalah menjadi kemestian orang yang menziarah dimuliakan oleh orang yang diziarahnya.

c) Pandangan Fuqaha':

قال أبو العباس وأبو إسحاق: هي فرض كفاية يجب إظهارها في الناس فإن امتنعوا من إظهارها قوتلوا عليه.

Maksudnya: Berkata Abu Abbas dan Abu Ishaq: Solat fardhu berjemaah adalah fardhu kifayah. Ia mesti dizahirkan secara berjemaah dalam masyarakat. Sekiranya mereka enggan (pihak berwajib) hendaklah memerangi mereka atau memaksa mereka.

d) Kaedah Fiqh:

"مالا يدرك كله لا يترك كله"

Maksudnya: Sesuatu (ibadah) yang tidak boleh dilakukan secara keseluruhannya maka ia tidak boleh ditinggalkan secara keseluruhannya."

2. Berdasarkan kaedah fiqh di atas, jika tidak dapat melaksanakan kewajiban bagi sesuatu ibadah di masjid seperti Solat Fardhu Jumaat, solat fardhu berjemaah dan sebagainya seperti lazim disebabkan kekangan dan halangan yang boleh mengundang kemudharatan (COVID-19) maka adalah harus melakukan ibadah di masjid setakat yang dapat mengawal penularan wabak dengan penjagaan dan pengawasan yang rapi.
3. Oleh itu, solat fardhu berjemaah di masjid dibenarkan dengan bilangan jemaah **maksimum seramai TIGA (3) orang sahaja melibatkan Imam, Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah secara bergilir-gilir dalam satu waktu dan kedudukan antara sesama ahli jemaah djarakkan sebanyak satu meter** seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). **Hanya jemaah yang sihat sahaja dibenar mendirikan solat berjemaah di masjid.**
4. Kebenaran mendirikan solat jemaah dengan jumlah yang maksimum ini adalah pilihan yang terbaik buat masa kini bagi memastikan rumah Allah ﷻ

<sup>2</sup> رواه الطبراني في الكبير، وصحيح الهيثمي والسيوطي سنده، وروى البيهقي نحوه موقوفاً على أصحاب رسول الله ﷺ بإسناد صحيح، كما قال المنذري. (مجمع الرواد 2/31)

sentiasa dimakmurkan dan tuntutan Fardhu Kifayah dapat dilaksanakan secara optima.

5. Sementara arahan mematuhi penjarakan sosial ketika membentuk saf solat jemaah dalam situasi wabak COVID-19 tidak menghilangkan kelebihan, fadhilat dan pahala berjemaah kerana faktor dharurah atau hajat yang mendesak berdasarkan dalil dan hujah berikut:

a) Firman Allah ﷻ:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا<sup>3</sup>

Maksudnya: "Allah tidak membebani seseorang kecuali dengan batas kemampuannya".

b) Firman Allah ﷻ:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ.<sup>4</sup>

Maksudnya: Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu.

c) Sabda Nabi ﷺ:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ صَخْرٍ η قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: "مَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ، وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ."<sup>5</sup>

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah Abdul Rahman ibn Sukhrin η beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesuatu yang aku larang kamu melakukannya, maka hendaklah kamu menjauhinya, dan apa-apa yang aku perintahkan sesuatu kepada kamu, maka hendaklah kamu melakukannya seberapa daya kamu."

d) Kaedah Fiqh:

"الميسور لا يسقط بالمعسور"

Maksudnya: "Sesuatu yang mudah tidak akan gugur disebabkan perkara yang sukar".

6. Dalam keadaan penjarakan sosial sesama ahli jemaah sebanyak satu (1) meter ketika membentuk saf termasuk dalam keadaan uzur syarie (PKP 3) maka pahala saf tetap diperoleh berdasarkan pandangan:

"نعم إن كان تأخرهم لعذر كوقت الحر بالمسجد الحرام فلا كراهة ولا تقصير كما هو ظاهر"<sup>6</sup>

<sup>3</sup> البقرة : 286.

<sup>4</sup> التغابن : 16.

<sup>5</sup> رواه البخاري ومسلم.

*Maksudnya: Ya! Jika para makmum berada dalam jarak yang jauh kerana sesuatu keuzuran contohnya seperti panas terik di dalam Masjid al-Haram maka hukumnya tidak makruh (iaitu tidak luput fadhilatnya bagi mereka) dan tidak dianggap cuai.*

7. Sehubungan itu, Jabatan Mufti Negeri Kedah sentiasa bersama-sama dengan Kerajaan Malaysia bagi menangani penularan wabak COVID-19 daripada terus berleluasa. Bagaimanapun, pada masa yang sama dalam situasi ini syiar Islam hendaklah dilaksanakan juga sekadar yang termampu. Mudah-mudahan kita semua mendapat perlindungan daripada Allah ﷻ .
8. Justeru, Jabatan Mufti Negeri Kedah amat menghargai kesungguhan para muslimin dan muslimat dalam mematuhi arahan PKP 3 yang dikemaskini dari semasa ke semasa terutamanya di masjid. Bersama-sama kita terus bermunajat kepada Allah ﷻ dengan penuh keinsafan dan pengharapan agar Allah ﷻ mengangkat musibah yang melanda dunia ketika ini. Dengan pemakluman ini maka Irsyad al-Hukmi Siri 3/2020 adalah terbatal.

**TARIKH KEPUTUSAN : 15 APRIL 2020**